

29/07/1998

Operasi tetap diteruskan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pengangkutan mengulangi pendirian tidak akan berganjak daripada keputusan kerajaan untuk meneruskan operasi kastam, imigresen dan kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar, Singapura.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu itu semalam adalah pendirian kerajaan dan tidak perlu diulas lagi.

"Saya tidak mahu menambah lagi kenyataan Perdana Menteri. Itu adalah pendirian kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan taklimat kepada wakil rakyat MCA di Wisma MCA, dekat sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaan KIK dari Tanjong Pagar ke Woodlands kerana Malaysia berpendapat perkataan dalam perjanjian dalam Perkara-perkara Yang Dipersetujui (POA) pada 1990.

Perjanjian yang ditandatangani Perdana Menteri Singapura, Lee Kwan Yew dan Menteri Kewangan Malaysia, Tun Daim Zainuddin itu menggariskan surat pembangunan dan status tanah yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di republik berkenaan.

(END)